

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 11/04/2023

Edisi / Muka Surat : Nasional / 25

Tajuk : ANGKASA bantu anggota koperasi sekolah asnaf, B40

## Angkasa bantu anggota koperasi sekolah asnaf, B40

ANGKATAN Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) melalui program tanggungjawab sosial korporatnya iaitu CSR CoopCare Sepakat Aidilfitri Angkasa baru-baru ini telah menyantuni anggota koperasi sekolah dalam membuat persediaan untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

Sebanyak 50 orang anggota koperasi sekolah yang merupakan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Permata, Petaling Jaya kategori asnaf dan B40 terpilih untuk menerima sumbangan tersebut.

Ia berbentuk kelengkapan pakaian baharu hari raya, bantuan barang keperluan harian menerusi Projek Barang Asas 100 (BA100) dan wang tunai.

Presiden Angkasa merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO) Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, Angkasa memberi peluang kepada para pelajar untuk membuat pemilihan kelengkapan pakaian baharu sendiri di Pasar Raya Besar Mydin Subang Jaya mengikut peruntukan yang ditetapkan oleh Angkasa iaitu sebanyak RM200 bagi setiap pelajar.

"Mereka juga akan menerima 50 pek barangan keperluan harian seperti beras, minyak masak dan



**Angkasa memperuntukkan sebanyak RM15,000 bagi pelaksanaan program tanggungjawab sosial koperasi ini."**

makanan segera menerusi Projek Barang Asas 100 (BA100) serta wang tunai untuk membantu dan menceriakan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

"Angkasa memperuntukkan sebanyak RM15,000 bagi pelaksanaan program tanggungjawab sosial koperasi ini.

"Program menyantuni anggota koperasi ini adalah salah satu daripada program CSR CoopCare Angkasa untuk berkongsi kemeriahan dan kegembiraan dalam menyambut Syawal yang bakal tiba serta mengeratkan tali silaturrahim antara Angkasa dan Koperasi," katanya.

Menurut beliau, pemilihan anggota koperasi SMK Sri Permata dibuat mengambil kira sekolah ini merupakan jiran atau kariah kepada ibu pejabat

ANGKASA di Kelana Jaya.

"Inilah masanya untuk kita menyemarakkan semangat kerjasama, tolong-menolong, mengambil berat dan kebersamaan yang diterapkan oleh koperasi selari dengan prinsip dan nilainya dalam memberi manfaat dan impak positif bukan sahaja kepada anggotanya malah kepada masyarakat umum," kata beliau selepas Majlis Penyerahan Sumbangan CSR CoopCare Sepakat Aidilfitri Angkasa di Pasar Raya Besar Mydin Subang Jaya.

Hadir sama, Dato' Haji Mohd Alias Hamzah, Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Selangor; Encik Halim Haji Ibrahim, Pengurus Besar Bahagian Abdul Fattah turut menggesa orang ramai memanfaatkan koperasi seperti koperasi sekolah sebagai platform bantu diri ataupun sebagai tempat untuk mendapatkan produk mahupun perkhidmatan yang bukan sahaja dapat meningkatkan perolehan koperasi malah manfaatnya akan berbalik kepada anggotanya juga.

Sehingga Disember 2022, terdapat 2,482 buah koperasi sekolah dengan dua2 juta keanggotaan.

Sebanyak 14 buah koperasi sekolah telah mencapai perolehan melebihi RM1 juta.



DR. Abdul Fattah Abdullah bersama anggota koperasi sekolah yang merupakan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Permata, Petaling Jaya kategori asnaf dan B40 yang terpilih untuk menerima sumbangan.